

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIB/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 11 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 4

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

1. PR-1422-MQT0520
Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengurangkan kadar pengangguran belia dan membantu golongan belia mendapatkan pekerjaan. Berdasarkan kenyataan Menteri Kewangan, pada 27 Jun 2019 kadar pengangguran di kalangan belia Malaysia pada tahun 2018 adalah sebanyak 10.9% jauh lebih tinggi daripada kadar pekerjaan iaitu 3.4%.

2. PR-1422-MQT0517
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah pendirian dan langkah intervensi pihak Kementerian terhadap usul yang telah dikemukakan agar Pertubuhan Peladang Negeri (PPN) dibubarkan selain yang berpunca daripada perubahan struktur Ahli Jemaah Pengarah (AJP) PPN.

3. PR-1422-MQT0511
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dengan lebih lanjut mengenai pelan untuk menyediakan skim perumahan mampu milik, kos rendah dan juga sederhana rendah di Parlimen Segamat. Bagaimanakah dasar pemilikan rumah negara mampu mengatasi permintaan dan keperluan di Parlimen Segamat.

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI KHAMIS, 11 JULAI 2019, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 28

WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PR-1422-L04313
Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah status diplomatik semasa dengan Timor Leste dan adakah Malaysia akan menyokong kemasukan Timor Leste sebagai negara ASEAN yang ke-11.

2. PR-1422-L04707
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha-usaha berterusan Kementerian dalam mengekang sebarang bentuk logistik sampah dari luar negara.

3. PR-1422-L05353
Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun [Beaufort] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan program PEKA B40 dan setakat ini berapakah bilangan yang mendapat manfaat daripada program ini khususnya di negeri Sabah.

4. PR-1422-L04896
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa nilai bersih hasil penjualan kapal Equanimity dan ke manakah wang tersebut akan disalurkan.

5. PR-1422-L05259
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah projek perumahan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) yang telah dilulus, sedang dibina dan telah siap serta jumlah permohonan yang diterima dan diluluskan di Sarawak setakat ini.

6. PR-1422-L04830
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah pelaksanaan duti eksais ke atas minuman bergula iaitu sebanyak 40 sen seliter berkuatkuasa 1 Julai 2019 tidak akan mengakibatkan kenaikan harga barang ke atas produk yang dikeluarkan.

7. PR-1422-L05661
Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasek Gelugor] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan isu penggunaan daun ketum di kalangan rakyat Malaysia dan sejauh mana pengalaman Kementerian dalam menguruskan isu pesakit-pesakit yang berkaitan penggunaan bahan-bahan dari daun ketum.

8. PR-1422-L04953
Dato' Haji Jalaluddin bin Haji Alias [Jelebu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah status terkini persediaan pihak Kementerian bagi menghadapi Tahun Melawat Malaysia 2020, dan berapakah anggaran hasil yang akan diperolehi negara melalui sektor pelancongan pada tahun 2020.

9. PR-1422-L05672
Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian berhasrat membina jejantas untuk memudahkan penduduk Kpg Sungai Barie dan Kpg Lintang Baru untuk menyeberang Lebuh Raya Pan Borneo (Jajaran Kuching–Serian), khasnya pelajar sekolah daripada Kampung Lintang Baru yang hendak menyeberang Lebuh Raya Pan Borneo untuk pergi ke sekolah SK Sungai Kenyah. Kini jumlah kenderaan amat banyak termasuk kenderaan berat dan amat berbahaya untuk para pejalan kaki untuk menyeberang Lebuh Raya tersebut.

10. PR-1422-L05743
Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan mengapa masih banyak lagi kontraktor, pembekal dan JKKK di Sarawak termasuklah kawasan Kapit, belum dibayar penuh walaupun projek-projek seperti Projek Jalan Kampong, Projek Baikpulih dan Bina Baru Rumah untuk yang termiskin, yang mereka buat lama sudah siap.
11. PR-1422-L05539
Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah serius wabak penyakit yang melanda perkampungan Orang Asli dan apakah langkah yang dilakukan untuk memastikan kawasan bebas daripada penyakit berbahaya.
12. PR-1422-L04449
Dato' Masir Kujat [Sri Aman] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai "Pelan Induk" untuk menyediakan bekalan air bersih dan terawat di Parlimen Sri Aman.
13. PR-1422-L05331
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pencapaian *House Ownership Campaign* (HOC) yang diperkenalkan pada Januari 2019 dari segi penjualan stok rumah-rumah siap bina belum dijual dan pemilikan rumah oleh pembeli rumah pertama (*First time house buyers*).
14. PR-1422-L05054
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah status berkenaan Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak ketika ini. Adakah ura-ura penamatan kontrak pihak PDP betul dan apakah kesannya terhadap pembinaan Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak (tempoh siap terjejas atau tidak).
15. PR-1422-L05157
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk mengkaji semula elaun Ahli Lembaga Pelawat Hospital dan memberikan faedah serta kemudahan-kemudahan yang sama kepada isteri/suami, anak-anak, ibu dan bapa seperti apa yang didapati oleh Ahli Lembaga Pelawat Hospital.

16. PR-1422-L04633
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai warganegara yang berjaya mendapat faedah daripada skim mySalam daripada permohonan yang dibuat dan adakah terdapat keperluan untuk memohon peruntukan tambahan pada tahun 2019.
17. PR-1422-L05622
Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan secara terperinci pelan tindakan untuk Program Desa Harapan yang bertujuan untuk membantu penduduk luar bandar keluar daripada kepompong kemiskinan.
18. PR-1422-L04917
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mengkaji mengenai masalah lemah mental ketika berhadapan dengan kanser dan penyakit kronik dan apakah langkah Kementerian mengurangkan masalah tersebut.
19. PR-1422-L04760
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan status terkini kemajuan di Tasik Kenyir berkaitan:-
- (a) pembinaan sebuah hotel oleh Syarikat Binapuri Sdn Bhd; dan
 - (b) pembinaan Pulau Burung, Pulau Orkid dan Pulau Rama-Rama.
20. PR-1422-L04556
Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi [Bagan Datuk] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah bentuk bantuan yang disediakan oleh pihak Kementerian bagi meningkatkan taraf ekonomi penduduk luar bandar khususnya belia dan ibu tunggal.
21. PR-1422-L04394
Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menggubal satu Akta Perolehan yang moden bagi memperbaiki sistem perolehan yang ada sekarang yang banyak kelemahan kerana terdedah kepada rasuah yang telah menyebabkan negara kerugian berbilion ringgit.

22. PR-1422-L04825
Tan Sri Datuk Seri Panglima Haji Annuar bin Haji Musa [Ketereh] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan penjelasan terperinci dakwaan nama negara masih lagi berada dalam senarai menyertai Statut Rom meskipun telah sebulan Kabinet memutuskan menarik diri daripada statut tersebut.
23. PR-1422-L04337
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan pembinaan tapak pelupusan sisa pepejal bersepadu berkonsepkan *Waste to Energy (WTE)* dan adakah tapak pelupusan sedia ada bersesuaian untuk diubah kepada WTE.
24. PR-1422-L05453
Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :-
- (a) apakah langkah-langkah strategik Kementerian untuk meningkatkan jumlah pelancong sempena Tahun Melawat Malaysia 2020 terutamanya di negeri Sarawak; dan
 - (b) adakah Kementerian mempunyai perancangan menaik taraf tempat-tempat pelancongan di negeri Sarawak.
25. PR-1422-L04460
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan cadangan Projek Bandar Malaysia di atas tapak TUDM Sungai Besi dan apakah perancangan masa depan ke atas tapak tersebut.
26. PR-1422-L05396
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini bilangan kes keganasan rumah tangga, rogol, kesalahan seksual, penderaan kanak-kanak yang diterima oleh Pusat Khidmat Sehenti atau Jabatan Kecemasan di hospital Kerajaan seluruh Malaysia dipecahkan mengikut negeri, umur, gender, dan hubungan dengan pelaku.
27. PR-1422-L05482
Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan usaha yang sedang diambil oleh pihak Kementerian untuk mengatasi masalah ketidaksepadanan (*Mismatch*) antara penawaran dan permintaan kawasan perumahan mengikut lokasi.

28. PR-1422-L05055
Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah laluan sedia ada yang menghubungkan wilayah Sarawak melalui Brunei akan dinaik taraf memandangkan jalan sedia ada sudah tidak mampu menampung bebanan trafik terutamanya di hujung minggu.
29. PR-1422-L04777
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan pendirian Kementerian berhubung undang-undang tunggal yang jelas mengenai pelaksanaan projek pembaharuan semula skim-skim perumahan awam lama di negara ini. Adakah terdapat cadangan untuk menambah baik akta sedia ada, jika tidak apakah pendekatan yang dirancang berhubung skim-skim perumahan terlibat.
30. PR-1422-L04599
Dato' Sri Hasan bin Arifin [Rompin] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah unit rumah kos rendah dan nilainya yang belum dijual. Apakah sebab-sebab ianya terjadi.
31. PR-1422-L04562
Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew [Wangsa Maju] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sejauh mana keberkesanan kaedah turapan teknologi baharu yang diperkenalkan bagi mengatasi isu jalan berlubang yang boleh menyebabkan kemalangan terutamanya di laluan yang melibatkan bilangan kapasiti trafik yang tinggi.
32. PR-1422-L05403
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan bagaimana model baharu program keusahawanan yang memfokuskan kerjasama dengan pihak swasta mampu untuk melonjakkan keupayaan usahawan PKS terutamanya usahawan Melayu dan Bumiputera.
33. PR-1422-L04881
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah tindakan drastik yang diambil oleh Kerajaan untuk meningkatkan nilai mata wang Ringgit Malaysia dan memastikan ianya lebih stabil dan kukuh meskipun menghadapi kekangan kewangan dan perbelanjaan pelaburan yang terhad.

34. PR-1422-L04608
Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah Cukai Pelancongan yang dikutip sehingga kini dan jumlah yang sudah diagihkan kembali kepada Kerajaan Negeri Sabah dan Kerajaan Negeri Sarawak sehingga kini.
35. PR-1422-L04761
Puan Noorita binti Sual [Tenom] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan berapakah jumlah dana yang disediakan Kementerian bagi membiayai program pembangunan keusahawanan wanita pada tahun 2019 untuk meningkatkan penyertaan wanita dalam perniagaan di Sabah.
36. PR-1422-L04839
Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah usaha yang akan dilakukan oleh Kementerian agar kenaikan kos yuran konsultasi pengamal perubatan swasta ini tidak hanya memberikan penekanan terhadap kepentingan industri tetapi juga kepentingan rakyat.
37. PR-1422-L05632
Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimanakah Kerajaan akan pastikan data yang diperoleh oleh Syarikat Great Eastern di bawah skim mySalam tidak digunakan oleh syarikat ini untuk tujuan selain dari yang dibenarkan.
38. PR-1422-L05402
Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [Pasir Puteh] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah perkembangan terhadap inisiatif program keusahawanan baharu yang memfokuskan kepada model kerjasama strategik yang merangkumi sektor awam, swasta, golongan profesional dan rakyat.
39. PR-1422-L04465
Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan dan sambutan program khas pengakuan sukarela Lembaga Hasil Dalam Negeri oleh rakyat Malaysia yang telah berjalan serta penyertaan *e-filing* bagi peniaga dan bukan peniaga sebagai langkah menggalakkan rakyat membayar cukai pendapatan.

40. PR-1422-L04737
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Skim MyHome dan Skim MyDeposit masih dikekalkan sebagai skim subsidi Kerajaan untuk pembeli rumah pertama.
41. PR-1422-L04334
Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan secara terperinci apakah inisiatif Kementerian bagi membantu usahawan tempatan menceburi dalam industri produk halal di pasaran antarabangsa.
42. PR-1422-L05290
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status terkini pembinaan Balai Bomba dan Penyelamat di daerah Asajaya.
43. PR-1422-L05592
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status terkini kerja-kerja pembinaan projek naik taraf Jalan Mangkubau Laut, Pitas. Berapa peratus kerja yang telah dilaksanakan dan bilakah ianya dijangka dapat disiapkan sepenuhnya.
44. PR-1422-L05337
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan status Fasa 2 projek Jalan Pantai (*corniche road*) yang menghubungkan Lapangan Terbang Sultan Mahmud dan Pusat Bandaraya Kuala Terengganu.
45. PR-1422-L05092
Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh mana daya tahan ekonomi Malaysia dalam berdepan dengan ketidaktentuan cabaran luaran serta apakah impikasi kewangan langsung dan tidak langsung untuk Malaysia akibat perang dagang antara Amerika Syarikat dan China.
46. PR-1422-L04577
Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan bercadang untuk menaik taraf Klinik Kesihatan di Spaoh Bahagian Betong Sarawak, memandangkan pertambahan jumlah penduduk dikawasan tersebut amatlah memerlukan kemudahan kesihatan yang lebih moden.

47. PR-1422-L05348
Tuan Wong Kah Woh [Ipoh Timur] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah penerima manfaat di bawah skim mySalam dan jumlah tuntutan yang telah diluluskan sehingga kini.
48. PR-1422-L05294
Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kesediaan pihak Kementerian untuk menambah bilangan mesin hemodialisis bagi pesakit buah pinggang terutamanya di kawasan luar bandar Sarawak khasnya di Klinik Kesihatan Kota Samarahan dan Klinik Kesihatan Asajaya.
49. PR-1422-L04406
Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa ramai yang telah membuat tuntutan daripada skim mySalam sejak ia dilancarkan. Berapa banyak tuntutan yang telah dibayar dan berapa jumlahnya.
50. PR-1422-L04397
Tuan Anyi Ngau [Baram] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan untuk baik pulih/penyenggaraan bekas jalan balak yang telah dibaik pulih oleh Kerajaan terdahulu melalui MARRIS. Nyatakan dasar MARRIS.
51. PR-1422-L05511
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status terkini projek Jambatan Pasir Kelang dan bilakah projek ini akan dimulakan.
52. PR-1422-L04679
Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan senarai semua cukai dan perubahan peraturan cukai baru sejak PH memerintah. Berapa kutipan cukai baru itu dalam setahun mengikut kategori dan berapa jenis cukai perkhidmatan yang ada serta jumlah kutipan setahun.
53. PR-1422-L04849
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan perkembangan audit dan siasatan yang telah dijalankan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia bagi meningkatkan pematuhan cukai dan mengurangkan jurang cukai.

54. PR-1422-L04891
Datuk Haji Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan dalam tempoh 1 tahun (Jun 2018 sehingga Jun 2019) berapa banyak rumah mampu milik yang telah diluluskan dan dalam proses pembinaan tanpa mengambil kira kelulusan Kerajaan terdahulu.
55. PR-1422-L04593
Dato' Haji Mohd. Salim Sharif [Jempol] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan penjelasan berhubung ketiadaan doktor pakar di Hospital Jempol dan kemudahan bilik pembedahan serta pelan untuk menyediakan kemudahan kesihatan yang lebih baik.
56. PR-1422-L04524
Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan memulakan pembinaan Klinik Kesihatan Long Napir yang terbengkalai.
57. PR-1422-L04997
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan strategi Kementerian untuk menangani penyakit Hepatitis C, selepas tempoh "*compulsory licensing*" berakhir untuk ubat Sofosbuvir iaitu pada Oktober 2020.
58. PR-1422-L05704
Tuan Willie anak Mongin [Puncak Borneo] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah permohonan yang telah diterima dan diluluskan untuk bina baru dan baik pulih di bawah Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) setakat ini daripada kawasan Parlimen Puncak Borneo. Apakah penambahbaikan projek PPRT yang telah dijalankan bagi memastikan penerima projek ini mendiami rumah yang selesa.
59. PR-1422-L05581
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan tarikh terkini projek pembinaan Balai Bomba Daerah Pitas akan dapat disiapkan sepenuhnya. Apakah tindakan yang dilakukan kerajaan di dalam memastikan projek ini siap dan sempurna kerana pada hemat saya projek ini kelihatannya seperti projek sakit.

60. PR-1422-L05279
Tuan Ahmad Fahmi bin Mohamed Fadzil [Lembah Pantai] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan masalah-masalah yang dihadapi Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi serta memudahkan proses pendaftaran bagi menggalakkan lebih banyak syarikat yang berkebolehan untuk mengambil bahagian dalam industri ini.
61. PR-1422-L04848
Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah tuntutan mySalam berserta perincian yang telah dibayar sehingga 31 Mei 2019.
62. PR-1422-L05565
Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bagaimana membetulkan keadaan pengagihan *Marris Fund* yang tidak seimbang, terutamanya Sabah dan Sarawak yang mempunyai jumlah jalan yang lebih pendek apabila berbanding dengan Semenanjung, Sabah dan Sarawak memerlukan dana yang lebih banyak untuk memyelenggara dan membina jalan baru. Nyatakan jumlah pengagihan *Marris Fund* sejak 2015 mengikut tahun dan negeri.
63. PR-1422-L05591
Datuk Abd Rahim bin Bakri [Kudat] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan bilakah Kerajaan berhasrat untuk menaik taraf ke jalan *asphalt* bagi jalan Rosob-Dandun (6km) dan jalan Solimpodon-Mantus (6km) memandangkan jalan ini merupakan jalan utama bagi penduduk kampung yang berada di sepanjang jajaran jalan-jalan tersebut.
64. PR-1422-L05382
Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Bachok] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi mengatasi projek perumahan yang terbengkalai.
65. PR-1422-L05531
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah Projek Pembinaan Klinik Kesihatan (KK3) Serian, Sarawak akan dimulakan, sedangkan tapak tanah telah pun disediakan.

66. PR-1422-L04927
Datuk Zahidi bin Zainul Abidin [Padang Besar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-
- (a) apakah bantuan yang disediakan Kerajaan kepada mereka yang gagal meneruskan langganan pelaburan insurans untuk tempoh 10 tahun seperti dalam perjanjian awal langganan kerana masalah kewangan; dan
 - (b) adakah mereka akan mendapat hak mereka dari tempoh pelaburan insurans yang telah dibayar dan apakah proses tuntutan yang perlu dilakukan.
67. PR-1422-L04843
Tuan Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [Julau] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bilangan balai bomba kategori E yang akan dibina di Sabah dan Sarawak serta bilakah balai bomba tersebut dijangkakan mula beroperasi.
68. PR-1422-L04324
Datuk Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [Keningau] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan bilakah Kerajaan akan melaksanakan Artikel 112c(2) yang mana ianya memperuntukkan bahawa hasil-hasil tertentu Sabah dan Sarawak berhak menerima di bawah Bahagian V Jadual ke-10 Perlembagaan Persekutuan hendaklah tidak dimasukkan ke dalam Akaun Yang Disatukan (*Consolidated Fund*) dan membayarnya kepada Sabah dan Sarawak.
69. PR-1422-L04706
Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah syarikat yang masih tidak berdaftar dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) sehingga Mei 2019 dan apakah langkah untuk membendung gejala ini.
70. PR-1422-L05152
Puan Rusnah binti Aluai [Tangga Batu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah pihak Kementerian mempunyai cadangan menghadkan kelulusan pembinaan rumah-rumah kedai yang didapati terlalu banyak kosong dan menjadi sasaran pencurian bahan-bahan struktur bangunan dan sasaran penagih-penagih seperti di Tangga Batu.

71. PR-1422-L05343
Dato' Dr. Mohd Khairuddin bin Aman Razali [Kuala Nerus] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status projek pembesaran Jambatan Buluh Gading daripada dua lorong menjadi empat lorong.
72. PR-1422-L04785
Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyatakan apakah status terkini pelaksanaan pembinaan Hospital Maran yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-11 di mana dalam persidangan dewan yang lepas YB. Menteri telah bersetuju untuk meneruskan pembinaan hospital ini.
73. PR-1422-L04550
Dato' Haji Ahmad Nazlan bin Idris [Jerantut] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah punca harga rumah di Malaysia terlalu tinggi dan boleh dikatakan sangat tidak mampu milik sedangkan penawaran rumah melebihi permintaan. Apakah perancangan Kementerian bagi menangani isu harga rumah ini.
74. PR-1422-L04510
Tuan Karupaiya A/L Mutusami [Padang Serai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan tindakan-tindakan yang diambil oleh Kementerian Kewangan terhadap sama ada tindakan Amerika Syarikat yang meletakkan Malaysia ke dalam senarai pemantauan bagi potensi manipulator mata wang akan melemahkan lagi nilai mata wang ringgit.
75. PR-1422-L04741
Tuan Teh Kok Lim [Taiping] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan rancangan dan "*roadmap*" untuk menambah baik perkhidmatan kesihatan di Hospital Taiping dan klinik-klinik kesihatan di daerah Larut Matang dan Selama.
76. PR-1422-L04503
Dato' Sri Reezal Merican bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan status kajian "*due diligence*" terhadap PR1MA yang dijadualkan siap pada Jun, 2019. Apa keputusan muktamad pihak Kerajaan mengenai PR1MA.
77. PR-1422-L04634
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah kita masih mendahului atau berada di belakang negara Thailand dan Sri Lanka dalam '*ranking*' index HAQ (Health Access And Quality) dan apakah usaha penambahbaikan yang dilakukan oleh Kementerian untuk mendahului negara-negara di rantau Asia ini.

78. PR-1422-L04636
Datuk Seri Dr. Adham bin Baba [Tenggara] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan akan melaksanakan pengecualian "*stamp duty*" untuk membantu rakyat mengurangkan bebanan kali pertama untuk membeli rumah.
79. PR-1422-L05691
Tuan Yusuf bin Abd. Wahab [Tanjung Manis] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah langkah-langkah mengawal kebakaran yang telah dirancang oleh Kementerian di kawasan Pulau Bruit memandangkan kawasan tersebut terletak agak jauh dari balai bomba di Bandar Baru Tanjung Manis yang berhampiran.
80. PR-1422-L05673
Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [Batu] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana Kementerian ingin memastikan penduduk bertaraf peneroka bandar atau yang menduduki sesuatu kawasan tanpa status sah untuk membeli rumah baru apabila tanah yang mereka duduki ingin diambil semula oleh Kerajaan jika mereka tidak mampu menyediakan dokumen bagi pinjaman bank atau mereka yang mempunyai rekod perbankan yang tidak baik.
81. PR-1422-L04736
Tan Sri Noh bin Haji Omar [Tanjung Karang] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rasionalnya penjenamaan semula syarikat Pemberi Pinjam Wang (PPW) berlesen sebagai Kredit Komuniti.
82. PR-1422-L04691
Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah Kerajaan untuk memastikan semua hospital di seluruh negara termasuk Sarawak General Hospital, Pusat Jantung Hospital Umum Sarawak mendapatkan "*Fire Certificate*" (FC) dan juga "*removal of fire hazard*" (MBK) berikutan pendedahan jabatan bomba baru-baru ini di mana bangunan tersebut tidak mempunyai sijil tersebut yang boleh mendedahkan semua pesakit dan pekerja hospital kepada risiko kebakaran.

83. PR-1422-L04996
Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan menyatakan data terbaharu penyakit kanser di Malaysia, dan bilakah Kerajaan Malaysia akan mengemaskinikan Daftar Kanser Kebangsaan (*National Cancer Registration*) yang telah dikeluarkan pada tahun 2011.
84. PR-1422-L04493
Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan hutang bayaran sewa PPR setiap negeri dalam pecahan lot Bumiputera dan bukan Bumiputera serta tindakan yang telah dan akan diambil atas tunggakan tersebut.
85. PR-1422-L04778
Tuan Chow Kon Yeow [Tanjung] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai projek-projek yang diluluskan Pusat sejak Mei 2018 sehingga kini di Pulau Pinang berserta kos serta tempoh pelaksanaannya. Adakah Kerajaan bercadangewartakan semula Jalan-jalan Persekutuan di Pulau Pinang kepada jalan negeri bagi membolehkan penyelenggaraannya dilaksanakan menerusi peruntukan MARRIS. Jika tidak, nyatakan sebabnya.
86. PR-1422-L05236
Tuan Ali anak Biju [Saratok] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menaik taraf klinik yang kebanyakannya dalam status uzur di kawasan P205 Saratok.
87. PR-1422-L05094
Datuk Haji Hasanuddin bin Mohd Yunus [Hulu Langat] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah insentif-insentif yang disediakan oleh Kementerian bagi hospital swasta memandangkan perkhidmatan perubatan swasta adalah pelengkap kepada kemudahan kesihatan negara dalam keadaan ekonomi serantau dan dunia yang tidak menentu kini.
88. PR-1422-L04918
Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian untuk membina Balai Bomba Kategori D atau E bagi Pekan Bekenu.

89. PR-1422-L05211
Tuan Chan Foong Hin [Kota Kinabalu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan butiran dan sumber kuasa secara terperinci bagi Pulau Labuan :-
- (a) status "*Free Port*" (barangan dari luar boleh dibawa masuk dan disimpan di kawasan pulau tanpa pembayaran duti kastam); dan
 - (b) status "*Free Trade Zone*" (menjalankan perdagangan tanpa perlu membayar cukai).
90. PR-1422-L04780
Tuan Kesavan A/L Subramaniam [Sungai Siput] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan Kementerian bagi pembinaan Klinik Kesihatan Sungai Siput untuk mengurangkan kesesakan di hospital terutamanya bukan kes-kes kecemasan.
91. PR-1422-L04470
Tuan William Leong Jee Keen [Selayang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah Kerajaan untuk menangani cabaran kelemahan ekonomi Malaysia dan memulihkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi negara kita.
92. PR-1422-L05534
Dato' Sri Richard Riot anak Jaem [Serian] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Jalan Serian-Tebedu akan diperbesarkan.
93. PR-1422-L05112
Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah orang yang telah memohon Bantuan Sara Hidup setakat ini dan berapa jumlah yang telah diluluskan.
94. PR-1422-L05754
Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu [Tambun] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan langkah-langkah yang telah diambil dan hasil/kejayaan yang telah dicapai setakat ini dalam mengurangkan paras hutang negara.
95. PR-1422-L05566
Puan Kasthuriraani A/P Patto [Batu Kawan] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bagaimana kontena sampah sama ada plastik atau bukan plastik yang kini akan dihantar kembali ke negara asal sampai di Malaysia dan apakah tindakan proaktif Kementerian untuk sampah tidak dibawa masuk di masa hadapan.

96. PR-1422-L05302
Tuan Wong Ling Biu [Sarikei] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapa banyakkah syarikat kitar semula plastik yang terdapat di negara ini dan berapa yang dimiliki oleh negara asing.
97. PR-1422-L04434
Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah purata pendapatan artis-artis tempatan pada tahun 2018.
98. PR-1422-L04640
Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sejauh manakah kejayaan *Northern Corridor Implementation* (NCIA) dalam meningkatkan ekonomi rakyat luar bandar seperti di Parlimen Bagan Serai dan apakah perkembangan *Estate Management Model* (EMM) yang dijangkakan mampu meningkatkan hasil padi ke 6 atau 8mt/hektar.
99. PR-1422-L04883
Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Port Dickson] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah mekanisme yang diambil oleh Kerajaan bagi membuat pembayaran royalti kepada negeri Terengganu, Kelantan, Sabah dan Sarawak serta jumlah terkini pembayaran royalti sejak Mei 2018 sehingga kini mengikut negeri dan jaminan perbelanjaan telus dan berhemah untuk kepentingan rakyat terutama yang miskin.
100. PR-1422-L05510
Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini pembayaran royalti petroleum untuk negeri Kelantan dan apakah masalah yang masih membelenggu menyebabkan pembayaran tersebut masih belum dijelaskan.
101. PR-1422-L04952
Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah subsidi yang masih diberikan oleh Kerajaan kepada rakyat untuk meringankan beban rakyat dan senaraikan jumlah subsidi bagi setiap bahan yang diberikan subsidi.

102. PR-1422-L05391
Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian Pengangkutan untuk menyelesaikan masalah kesesakan lalulintas di lebuh raya dan jalan raya yang semakin teruk sejak kebelakangan ini terutamanya apabila musim perayaan.
103. PR-1422-L05682
Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili [Kota Marudu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status terkini mengenai projek gas pipeline Kimanis ke Sandakan. Bilakah projek tersebut dijangka akan dimulakan.
104. PR-1422-L05721
Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah kedudukan rasmi Malaysia ke atas Kerangka Kod Tata Laku (CoC) di Laut China Selatan antara ASEAN dan China serta adakah terdapat apa-apa perubahan pendirian Kerajaan terhadap CoC tersebut.
105. PR-1422-L04935
Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah tarikh muktamad yang difikirkan sesuai oleh Kerajaan untuk melaksanakan sepenuhnya sistem Teknologi Identifikasi Frekuensi Radio (RFID) di kesemua plaza tol seluruh negara.
106. PR-1422-L04353
Dato' Sri Dr. Santhara [Segamat] minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berkenaan kemasukan warga asing untuk sektor pekerjaan valet parking yang kian dikuasai warga asing dengan mengambil alih kontrak berkenaan dan menjana pendapatan yang lumayan. Mengapakah Kementerian tidak boleh melatih belia kita (warganegara kita) untuk sektor berkenaan.
107. PR-1422-L04753
Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah pembayaran wang tunai petroleum dari Kerajaan Persekutuan yang telah diterima Kerajaan Negeri Terengganu dari Januari hingga Jun 2019.

108. PR-1422-L04998

Tuan Charles Anthony Santiago [Klang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pendirian Kementerian untuk membeli ubat-ubatan secara pukal (*bulk buying*) untuk kurangkan harga ubat-ubatan. Apakah status perbincangan di antara Kementerian Pertahanan dan Kementerian Pendidikan dalam hal ini.

109. PR-1422-L04977

Puan Maria Chin binti Abdullah [Petaling Jaya] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan cadangan untuk meningkatkan cukai ke atas golongan berpendapatan paling tinggi serta memperkenalkan had nisbah gaji majikan dan pekerja supaya matlamat kemakmuran bersama (*shared prosperity*) dapat dicapai.

110. PR-1422-L05123

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri [Batang Sadong] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan Kerajaan Persekutuan akan melaksanakan Artikel 112D Perlembagaan Persekutuan mengenai semakan kajian semula pemberian kewangan khas dan penyerahan hasil kepada negeri Sarawak.

PADA PERMULAAN URUSAN MESYUARAT
MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN
UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA

1. **Menteri Belia Dan Sukan**

- * Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2019.

2. **Menteri Sumber Manusia**

- * Rang Undang-Undang Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja (Pindaan) 2019.

* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R 18/2019) Rang Undang-Undang Profesion Guaman Syarie (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 2019 **Bacaan Kali Yang Kedua**

[Perdana Menteri]

2. (D.R 19/2019) Rang Undang-Undang Pentadbiran Undang-Undang Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) (Pindaan) (No.2) 2019 "

[Perdana Menteri]

3. **Menteri di Jabatan Perdana Menteri** akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini membuat ketetapan di bawah Seksyen 10, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan bahawa draf bagi Perintah Perlembagaan Persekutuan (Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya) (Negeri Sabah) 2019, (Kertas Statut ST.112 Tahun 2019), yang telah dibentangkan dalam Dewan ini pada 8 Julai 2019 bersama dengan laporan Suruhanjaya Pilihan Raya bertarikh 14 Februari 2017 mengenai Kajian Semula Persempadanan Mengenai Syor-Syor Yang Dicapadangkan Bagi Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan Dan Negeri Di Dalam Negeri Sabah Kali Keenam Tahun 2017, (Kertas Statut ST.111 Tahun 2019), dan yang akan dibuat di bawah Seksyen 12, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan untuk menguatkuasakan syor-syor yang terkandung dalam laporan tersebut, adalah diluluskan"

4. **Menteri Kewangan** akan mencadangkan :-

"Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM22,000 juta wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama ke Kumpulan Wang Pembangunan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] bagi maksud Kumpulan Wang tersebut."

5. PR-1422-U(27)050

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentangkan laporan mengenai tindakan-tindakan yang akan diambil daripada cadangan-cadangan penstrukturan semula dan pelan pemulihan terhadap syarikat penerbangan negara, Malaysia Airlines Berhad (MAB). Memandangkan MAB merupakan satu entiti perniagaan yang telah sekian lama menjadi kebanggaan dan maruah negara, maka adalah penting bagi rakyat Malaysia untuk mengetahui usaha-usaha penambahbaikan serta pembaharuan yang konstruktif dan menyeluruh yang dicadangkan dalam usaha memulihkan semula masa depan MAB. "

[Menteri di Jabatan Perdana Menteri]

6. PR-1422-U(27)051

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya memaparkan Laporan Khas mengenai pelaksanaan projek tambakan laut di perairan selatan Pulau Pinang (PSR) yang dirangka menerusi Pelan Induk Pengangkutan (PIP) serta mengemukakan laporan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil daripada 18 nasihat oleh Majlis Perancangan Fizikal Negara (MPFN) dan ulasan jabatan teknikal yang berkaitan bagi memastikan pelaksanaan projek itu selari dengan Seksyen 2A(2)(b) Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976. Berlandaskan prinsip ketelusan dan akauntabiliti, adalah menjadi keperluan kepada Kerajaan untuk mengemukakan laporan ini memandangkan projek ini memberikan implikasi yang besar terhadap alam sekitar, sosial dan kewangan."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

7. PR-1422-U(27)052

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi penjelasan terhadap laporan pelaksanaan Pelan Perpaduan, Kesepaduan dan Penyatupaduan Malaysia di bawah Majlis Konsultasi Perpaduan Negara (MKPN) yang dilancarkan pada Oktober 2018 dalam memperkasakan keharmonian masyarakat majmuk di Malaysia dengan mewujudkan pendekatan yang bersifat lebih holistik dan inklusif sekaligus membawa kepada pemahaman yang lebih baik antara komuniti yang berbeza serta mewujudkan kesepaduan sosial dan perpaduan negara yang lebih baik. Kerajaan perlu membentangkan serta membentuk ruang perbincangan dengan segera apakah syor yang disarankan melalui pelan ini benar-benar efektif dalam mengukuhkan jalinan perpaduan di negara ini."

[Perdana Menteri]

8. PR-1422-U(27)053

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan memberi perhatian terhadap pembangunan dan meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Orang Asli, seperti yang termaktub dalam Janji 38, Manifesto PH iaitu Membela Nasib Orang Asal di negara ini. Kerajaan perlu membentangkan cadangan Pelan Pembangunan Masyarakat Orang Asli Nasional bagi menangani isu utama dihadapi masyarakat Orang Asli di negara ini dan adalah kemestian bagi Kerajaan memastikan setiap gerak kerja dan usaha pembangunan yang dilaksanakan Kerajaan terhadap Orang Asli ini adalah sejajar

dengan Pendekatan Berasaskan Hak Asasi Manusia (PBHAM). Ini adalah supaya setiap program pembangunan dan kebajikan yang dirancang mampu memberi faedah yang lebih menyeluruh kepada masyarakat Orang Asli di samping tidak mengeneppikan kepentingan dan memelihara perkara asas berkaitan mereka melalui prinsip IMABT (Keizinan Berasaskan Makluman, Awal, Bebas dan Telus)."

[Perdana Menteri]

9. PR-1422-U(27)054

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Agar institusi Parlimen menetapkan supaya satu Jawatankuasa Pilihan Khas ditubuhkan bagi meneliti semua pandangan rakyat Malaysia mengenai langkah Kerajaan untuk memansuhkan hukuman mati dalam 32 kesalahan melibatkan lapan perundangan negara atau yang terkini mungkin hanya memansuhkan hukuman mandatori sahaja."

"Dalam semangat Malaysia Baharu selepas 9 Mei, ianya menjadi satu tanggungjawab Kerajaan agar dapat menghormati pandangan setiap lapisan rakyat Malaysia terutamanya mengenai perkara memansuhkan hukuman mati yang juga melibatkan nyawa masyarakat termasuk perasaan keluarga mangsa atau keluarga tahanan hukuman mati. "

"Sekiranya pandangan rakyat ini tidak diteliti, Kerajaan Pakatan Harapan akan dilihat sebagai menafikan hak kebebasan bersuara mereka. Kerajaan juga perlu menyatakan pendirian dengan jelas, apakah alternatif lain yang akan diganti selepas pemansuhan hukuman mati ini dilaksanakan dan apakah ia mampu dijadikan sebagai langkah pencegahan atau sebaliknya. Kerajaan Pakatan Harapan perlu sedar bahawa kejayaan mereka menjadi Kerajaan hari ini adalah disebabkan kuasa dan suara rakyat."

[Perdana Menteri]

10. PR-1422-U(27)055

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat mendengar suara rakyat dan seterusnya membatalkan cadangan projek kereta nasional ketiga yang dijadualkan pelaksanaannya pada tahun 2020. Menteri Kewangan telah memberi jaminan pada Ogos 2018 bahawa projek kereta nasional ketiga tidak akan menggunakan wang rakyat. Namun, Menteri Pembangunan Usahawan telah mengumumkan peruntukan dana sebanyak RM20 juta pada Januari 2019 bagi membangunkan prototaip kereta nasional ketiga. Kos penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan juga penghasilan kereta nasional ketiga melibatkan pelaburan berbilion-bilion ringgit. Walaupun projek ini dimajukan oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti SilTerra

Malaysia Sdn. Bhd., ianya secara tidak langsung melibatkan wang rakyat kerana SilTerra Malaysia Sdn. Bhd. adalah milik Khazanah Nasional. Memandangkan situasi ekonomi negara yang tidak menentu, projek kereta nasional ketiga akan membebankan Kerajaan dan rakyat (khususnya pembeli kereta) sekiranya projek ini diteruskan. Adalah disarankan agar projek kereta nasional ketiga dibatalkan demi menjimatkan wang rakyat."

[Perdana Menteri]

11. PR-1422-U(27)056

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Menurut laporan media Sin Chew Daily bertarikh 19 Ogos 2018, Ketua Strategi PPBM Rais Hussin yang merupakan Pengerusi Jawatankuasa Penggubalan Manifesto Pakatan Harapan sebelum PRU14 telah mengumumkan bahawa semasa Buku Harapan (Manifesto PH untuk PRU14) dirangka, pra-syarat untuk menilai pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (Unified Examination Certificate–UEC) adalah kelulusan dalam 4 mata pelajaran iaitu Bahasa Melayu, Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM."

"Akan tetapi, Kementerian Pendidikan setakat ini tidak pernah menjelaskan perkara tersebut yang banyak menimbulkan kekeliruan dan ianya berlainan nada dengan apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan semasa PRU14, iaitu UEC dapat diiktiraf hanya dengan memperolehi kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu di peringkat SPM."

"Mantan Menteri Pelajaran iaitu Ahli Parlimen Pagoh telah mengarahkan semua universiti awam tempatan untuk menambah satu syarat am bagi kemasukan ke universiti awam iaitu sekurang-kurangnya lulus dalam mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM memandangkan mata pelajaran Sejarah telah menjadi mata pelajaran wajib lulus dalam SPM. Ini bermakna tanpa lulus mata pelajaran Sejarah di peringkat SPM, seseorang calon itu tidak boleh memperolehi sijil SPM. Arahan tersebut berkuatkuasa sejak tahun 2013."

"Dewan ini mendesak Kementerian Pendidikan untuk menjelaskan sama ada mata pelajaran Sejarah, Matematik dan Sains di peringkat SPM masih diambil kira sebagai pra-syarat pengiktirafan UEC seperti yang dikatakan oleh Rais Hussin. Sekiranya kenyataan Rais Hussin itu benar, maka Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) perlu melakukan penyelarasan dasar baru bagi mengatasi kekangan syarat kemasukan pelajar UEC ke universiti awam tempatan. Kementerian Pendidikan mesti mempunyai pendirian yang jelas dalam perkara ini dan tidak boleh berbolak-balik."

"Selaras dengan manifesto Pakatan Harapan, Kementerian Pendidikan harus memberi pengiktirafan segera ke atas pelajar UEC seperti mana yang dijanjikan oleh YB Kulai merangkap Timbalan Menteri Pendidikan

semasa berkempen di PRU 14 dan dalam rakaman video beliau pada 9 April 2018 yang dimuat naik ke "Youtube", di mana beliau mengatakan Pakatan Harapan sudah mempunyai "hitam putih" untuk mengiktiraf UEC sebaik sahaja Pakatan Harapan menjadi Kerajaan."

[Menteri Pendidikan]

12. PR-1422-U(27)057

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menyeru agar Kerajaan dapat meneruskan projek pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid yang telah diluluskan oleh Kerajaan pada 26 Oktober 2017, termasuk mengekalkan 10 nama sekolah baru yang telah diluluskan."

"Kerajaan sepatutnya menyiapkan projek tersebut dalam masa 5 tahun dengan peruntukan RM20 juta setiap tahun (jumlah keseluruhannya RM100 juta) seperti yang telah dijanjikan oleh Kerajaan terdahulu."

"Tetapi malangnya, pelaksanaan projek tersebut agak lambat dan tiada perkembangan yang signifikan. Dengan itu, mengharapkan Dewan ini mengambil maklum perkara ini dan mendesak Kerajaan Pakatan Harapan mempercepatkan proses pembinaan 10 buah SJKC baru dan perpindahan 6 buah SJKC kurang murid ke kawasan yang lebih padat penduduk Cina."

"Seperti yang dijanjikan oleh YB Menteri Pendidikan pada 28 Jun 2018, SJKC Kuek Ho Yao di Seri Austin, Johor Bahru dan SJKC Sim Mow Yu di Masai, Johor akan tetap didirikan memandangkan upacara pecah tanah sekolah telah disempurnakan pada tahun 2018, iaitu sebelum PRU 14. Maka, Kementerian Pendidikan sepatutnya rasa terpenggil untuk menyalurkan peruntukan sekurang-kurangnya RM7 juta untuk menanggung kos pembinaan setiap SJKC yang dinamakan di atas."

[Menteri Pendidikan]

13. PR-1422-U(27)058

Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam] akan mencadangkan :-

"Dewan ini menggesa Kerajaan supaya dapat memberikan peruntukan yang sama rata kepada Ahli Parlimen tanpa mengira fahaman politik. Ini kerana, Ahli Parlimen Kerajaan di Semenanjung Malaysia telah diberi peruntukan sebanyak RM1,000,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM700,000 bagi peruntukan kawasan pada tahun 2018. Manakala tahun 2019, Ahli Parlimen Kerajaan diperuntukkan RM1,800,000 iaitu RM300,000 untuk operasi Pusat Khidmat dan RM1,500,000 bagi peruntukan kawasan. Sementara Ahli Parlimen pembangkang hanya diberikan RM100,000 sahaja bagi tahun 2018 dan tidak menerima apa-apa peruntukan untuk tahun 2019. Ini merupakan satu bentuk diskriminasi yang amat ketara."

"Gesaaan ini selari dengan semangat 'Malaysia Baharu' dan hasrat badan bebas (NGO) seperti BERSIH yang mahu memastikan tiada istilah diskriminasi dalam negara dan semua pengundi harus dilayan dengan adil dan saksama. Malah, perkara ini juga diperjuangkan oleh pemimpin Kerajaan hari ini ketika bergelar pembangkang suatu ketika dahulu. Dalam masa sama, semangat 'Malaysia Baharu' ini juga yang menuntut kesuburan demokrasi. Prinsip keadilan ini akan dijadikan sebagai penanda aras dan seterusnya diteladani oleh Kerajaan negeri yang lain di Malaysia tanpa mengira parti mana yang memerintah."

[Perdana Menteri]

14. PR-1422-U(27)059

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan perancangan jangka masa panjang yang menyeluruh dalam memastikan setiap dasar dan polisi Kerajaan di semua peringkat mempunyai tahap kefahaman mengenai institusi raja atau raja berpelembagaan yang kukuh seterusnya menyemai kefahaman yang sebenar dalam kalangan rakyat di negara ini. Sejak kebelakangan ini banyak kekeliruan berlaku khususnya dalam kalangan anak-anak muda berkenaan dengan bagaimana kuasa institusi raja diamalkan dan ramai dibesarkan dengan fahaman bahawa Raja Melayu bertindak atas nasihat sebenarnya tidak memahami maksud sebenar. Perkataan nasihat itu sering disalah erti kerana perkataan dalam perlembagaan dalam versi Bahasa Inggeris, kita guna "*advice*" yang membawa maksud perkara yang baik-baik. Ia adalah bertentangan kepada perkataan "*vice*". Raja juga perlu menerima nasihat yang baik-baik. Ini kerana dalam perlembagaan diberikan hak kepada raja-raja untuk meminta maklumat daripada Kerajaan tentang institusi semasa negeri. Baginda berhak. Perkara tersebut ada ditulis dalam perkara 40 (1) walaupun bertindak atas nasihat tetapi baginda mempunyai hak untuk mengetahui tentang hal ehwal semasa negeri. Selain itu terdapat polemik berkaitan istilah raja sebagai simbol. Apabila simbol, raja perlu bertindak atas nasihat tanpa mengambil kira peruntukan dalam perlembagaan yang memberikan kuasa budi bicara yang mutlak kepada raja-raja. Maknanya ada lagi ciri-ciri yang dikatakan budi bicara kepada raja itu. Dalam Perkara 181 Perlembagaan Persekutuan menyebut kedaulatan raja adalah kekal sebagaimana sebelum ini. Apabila menyatakan raja-raja itu mempunyai kedaulatan, baginda mempunyai kuasa dan kekuasaan. Perkataan kedaulatan itu menyatakan tentang ada kedaulatan, kuasa dan kekuasaan. Kalau ada kedaulatan tetapi perlembagaan tidak memberikan baginda kuasa, maka tidak ada kekuasaan dan ia tidak bererti. Tetapi, raja berpelembagaan walaupun bertindak dalam kebanyakan perkara atas nasihat tetapi ada ruang-ruang diberikan kepada baginda menerusi perlembagaan. Apabila telah mantap dengan asas kenegaraan ini, baharulah institusi raja berpelembagaan dapat difahami dengan mantap. Institusi beraja ini tidak boleh dibicarakan secara bermusim, ia perlu setiap masa dan dihayati oleh setiap rakyat. "

[Perdana Menteri]

15. PR-1422-U(27)060

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan untuk membentangkan secara menyeluruh dan terperinci berkenaan Laporan Rumusan Jawatankuasa Eksekutif Penilaian Operasi LYNAS yang telah dikeluarkan pada 8 Disember 2018 yang lalu. Pembentangan ini amat penting supaya rakyat memahami dengan jelas apakah yang telah diputuskan oleh Jawatankuasa tersebut untuk tindakan seterusnya. Laporan ini juga sekaligus akan meleraikan setiap kenyataan-kenyataan anggota pentadbiran Kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan yang bercanggah dan mengelirukan. Laporan rumusan ini juga akan menjadi rujukan utama untuk platform analisis bagi semakan sama ada tindakan Kementerian berhubung operasi LYNAS selari dengan kandungan rumusan laporan tersebut."

[Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar Dan Perubahan Iklim]

16. PR-1422-U(27)061

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menyatakan pendirian terhadap desakan antarabangsa yang berterusan kepada Malaysia untuk menandatangani dan meratifikasi semua perjanjian antarabangsa mengenai hak asasi manusia Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB). Kerajaan tanpa campur tangan kuasa asing perlu mempunyai pendirian yang jelas dan tidak bercelaru kerana setiap negara mempunyai hak sama ada untuk turut serta atau sebaliknya dalam setiap perjanjian antarabangsa kerana tidak kira kuasa besar atau kecil, keutamaan negara individu adalah berbeza diantara satu sama lain. Menjadi prinsip kebanyakan negara terutamanya kuasa besar dunia akan hanya mengesahkan perjanjian antarabangsa jika ia tidak menongkah arus kehendak Perlembagaan sesuatu negara iaitu kepentingan rakyat dan negara mereka diutamakan. Dalam hal ini, Perlembagaan Persekutuan harus dijadikan rujukan utama buat Malaysia dalam membuat apa-apa keputusan. Seperti mana keenganan negara-negara kuasa besar dunia mengesahkan perjanjian-perjanjian hak asasi ini perlu dijadikan perhatian oleh Kerajaan Malaysia kerana asas utama keenganan negara-negara besar ini ialah mereka amat khuatir konvensyen tersebut akan menghakis kedaulatan negara mereka. Pendirian berkenaan perjanjian antarabangsa memerlukan kefahaman tentang pemakian undang-undang antarabangsa dalam sistem perundangan Malaysia. Pemahaman terhadap teori penerimaan dan pemakian undang-undang antarabangsa dalam suatu negara iaitu Doktrin

Diperbadankan (*Doctrine of Incorporation*) dan Doktrin Transformasi (*Doctrine of Transformation*) perlu jelas dan difahami secara mendalam terlebih dahulu. Perkara 74 dan Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan memberikan kesan bahawa kuasa untuk membuat atau menandatangani dan meratifikasi triti atau perjanjian di peringkat antarabangsa adalah terletak di bawah bidang kuasa Persekutuan. Ia juga menunjukkan bahawa Badan Eksekutif mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian antarabangsa atau menandatangani apa-apa perjanjian antarabangsa, manakala kuasa untuk menguatkuasakan undang-undang antarabangsa tersebut adalah terletak hak kepada Parlimen. Prinsip yang harus Kerajaan nyatakan dengan jelas adalah kedaulatan negara dan kepentingan rakyat masing-masing mesti didahulukan walaupun negara terbabit akan dituduh sebagai tidak menghormati suara majoriti masyarakat antarabangsa."

[Menteri Luar Negeri]

17. PR-1422-U(27)062

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar yang jelas serta dan polisi yang lengkap berkenaan menetapkan harga lantai bagi sektor komoditi di negara ini. Kerajaan perlu mempunyai mekanisme yang kukuh dalam menstabilkan harga sektor komoditi di negara ini yang merangkumi industri sawit, industri getah, industri koko, industri lada dan industri tembakau. Dengan melaksanakan penetapan harga subsidi atau harga lantai bagi setiap industri komoditi ini akan memastikan nasib peneroka dan pekebun kecil terbela melalui jaminan harga industri yang jelas dan kukuh pada setiap masa. Kerajaan harus menggunakan semua platform seperti agensi Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia, Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara serta agensi-agensi antarabangsa yang memainkan peranan besar dalam menyelaras sektor komoditi. Kerajaan juga perlu menyediakan pelan-pelan sokongan dan bantuan bagi jangka masa panjang bagi memastikan mereka yang terlibat terutamanya peneroka dan pekebun kecil tidak terjejas dan tidak terlalu bergantung kepada harga pasaran dunia."

[Menteri Industri Utama]

18. PR-1422-U(27)063

Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan menubuhkan sebuah jawatankuasa bagi mengkaji dan membentangkan perancangan model pendidikan jangka masa panjang menyeluruh yang akan menyelesaikan masalah polarisasi kaum yang semakin menebal dalam kalangan anak muda di negara ini. Model pendidikan jangka masa panjang ini perlu

merangkumi keseluruhan aspek pembelajaran termasuk komponen subjek akademik, komponen kerohanian dan komponen etnik tanpa membelakangi peruntukkan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan semangat Rukun Negara. Masalah polarisasi akaun akan dilihat semakin serius jika perancangan ini tidak dilakukan segera. Apabila model pendidikan daripada peringkat awal pembelajaran tidak dapat mencapai tahap toleransi semua kaum dan semangat kenegaraan semakin lemah dalam kalangan anak muda, potensi untuk membangunkan negara bangsa mengikut acuan kita sendiri akan terencat dan keharmonian serta kesejahteraan negara juga akan terancam."

[Menteri Pendidikan]

19. PR-1422-U(27)047

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"mencadangkan Kerajaan supaya mempergiatkan usaha untuk menyatupadukan rakyat berbilang kaum di Malaysia yang kelihatan masih lemah dan longgar meskipun negara telah menjadi negara merdeka dan berdaulat sejak 61 tahun lalu supaya mereka boleh hidup dengan aman dan saling memerlukan serta memahami bagi memudahkan mereka membangunkan ekonomi negara secara bersama dan merealisasikan Impian Negaraku Malaysia Baharu selepas PRU-14."

[Perdana Menteri]

20. PR-1422-U(27)048

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] akan mencadangkan :-

"memulihkan pilihan raya Kerajaan Tempatan seluruh negara supaya urus tadbir Kerajaan menjadi lebih cekap, akauntabiliti dan bersih dengan mengambil langkah pertama untuk membuat kajian serius dan melakukan pungutan suara antara rakyat."

[Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan]

21. PR-1422-U(27)049

Tuan Khoo Poay Tiong [Kota Melaka] akan mencadangkan :-

"Bahawa Dewan ini bersetuju untuk menubuhkan sebuah Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (JPKP) mengenai Pilihan Raya, supaya JPKP tersebut boleh menyiasat aduan mengenai salah laku-salah laku bekas ahli-ahli Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) dalam pilihan raya umum yang lepas; dan Parlimen mempunyai sebuah platform bebas tersendiri untuk memantau dan menerima laporan daripada SPR secara berterusan."

[Perdana Menteri]

****UCAPAN-UCAPAN
(PERATURAN MESYUARAT 17)
(KAMAR KHAS)**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
1. 11.07.2019 (Khamis)	1. YB Tuan Chan Foong Hin (Kota Kinabalu)	1. Masalah Banjir Kilat (Flash Flood) Di Kawasan Kota Kinabalu	1. YB Menteri Perumahan Dan Kerajaan Tempatan
2. 11.07.2019 (Khamis)	2. YB Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)	2. Isu Pembatalan Pertubuhan Pengurusan Wat Nikhodharam, Alor Setar Serta Kes-Kes Berkenaan	2. YB Menteri Dalam Negeri

**** Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**